


FREQUENTLY-ASKED-QUESTION (FAQ)

iGet In Touch: PENYERAHAN BORANG TUNTUTAN



FAQ: i-Get In Touch- Penyerahan Borang Tuntutan

MENU UTAMA

1. Tuntutan Baru



2. Muat Naik Dokumen



3. Status Tuntutan



4. Masalah Teknikal



1. Tuntutan Baru

1.1 Di manakah saya boleh mengemukakan tuntutan baharu?

Sila rujuk [hyperlink of guide.](#)

1.2 Adakah hanya pemilik sijil yang boleh mengemukakan tuntutan?

Ya, hanya pemilik sijil yang boleh masuk ke akaun i-Get In Touch.

1.3 Siapa yang patut menjadi saksi di bahagian pengisytiharan?

Anda boleh melantik sesiapa sahaja sebagai saksi anda, dengan kriteria berikut:

- Saksi mestilah berumur 18 tahun ke atas
- Saksi mesti waras dan mempunyai kesihatan mental yang baik
- Saksi tidak boleh menjadi Benefisiari atau Wasi

1.4 Bagaimana jika tuntutan saya tidak berjaya?

Terdapat beberapa sebab mengapa tuntutan ditolak seperti dokumen sokongan yang tidak mencukupi. Anda boleh menyemak sebab dalam "Jejak dan Jejaki" dan ikuti nasihat dengan sewajarnya.

1.5 Adakah wajib mempunyai nombor akaun dalam maklumat sijil saya?

Ya, anda perlu mempunyai nombor akaun dalam maklumat sijil.

1. Tuntutan Baru

1.6 Bolehkah saya membatalkan tuntutan yang dikemukakan?

Ya. Tetapi, anda mungkin perlu menghubungi Talian Khidmat Pelanggan kami di 1-300 13 8338 atau e-mel kami di i-greatcare@greateasterntakaful.com.

2. Muat Naik Dokumen

2.1 Apakah dokumen yang perlu saya muat naik?

Dokumen yang diperlukan bergantung pada jenis tuntutan yang dipilih oleh pengguna. Pelanggan akan dimaklumkan sepanjang permohonan dibuat.

2.2 Apakah saiz maksimum jumlah fail muat naik?

Maksimum jumlah fail muat naik adalah 25MB.

2.3 Bolehkah saya memuat naik dokumen dalam fail jenis png?

Ya, anda boleh memuat naik fail dalam format PDF, PNG, JPG, JPEG or BMP.

2.4 Di manakah saya boleh mendapatkan dokumen yang diperlukan untuk diserahkan?

Anda boleh ke “Penghantaran Borang Saya” di papan pemuka dan tekan “Senarai Semak Borang Serahan”. Kemudian, pilih “Tuntutan”.

2.5 Bagaimanakah saya boleh memuat naik dokumen tambahan selepas mengemukakan tuntutan?

Sila rujuk senarai panduan untuk Tuntutan – panduan Dokumen Tambahan. Walau bagaimanapun, ini hanya tersedia jika permohonan awal anda telah disahkan oleh pihak kami.

2. Muat Naik Dokumen

2.6 Adakah saya akan dimaklumkan jika saya terlepas sebarang dokumen yang diperlukan?

Ya. Anda boleh merujuk pada panduan “Tuntutan – Dokumen Tambahan” jika anda dikehendaki memuat naik dokumen sokongan tambahan.

3. Status Tuntutan

3.1 Bagaimanakah saya boleh mengetahui status tuntutan?

Anda boleh ke “Penghantaran Borang Saya” di papan pemuka dan tekan “Jejak dan Kesan” untuk menyemak status tuntutan.

3.2 Apakah yang dimaksudkan dengan status ‘tutup’?

Ia boleh merujuk kepada mana- mana status berikut:

- Diluluskan
- Ditolak
- Ditarik balik

4. Masalah Teknikal

4.1 Apakah yang boleh saya lakukan jika saya tidak menerima nombor OTP?

Jika pemilik sijil tidak menerima nombor OTP, sila semak di bahagian maklumat peribadi dan pastikan nombor telefon pemilik sijil adalah betul dan dikemas kini. Walaubagaimanapun, jika saksi tidak menerima nombor OTP, anda perlu menyemak di bahagian Pengisytiharan untuk memastikan nombor telefon saksi adalah betul. Kemudian, anda boleh menekan kotak “Memohon Permintaan Kata Laluan Sekali”.

4.2 Bagaimana jika saya memasukkan nombor OTP yang salah?

Anda boleh memohon nombor OTP dengan menekan kotak “Memohon Permintaan Kata Laluan Sekali”.

Perlukan bantuan? Sila hubungi kami



1 300 13 8338 (Khidmat Pelanggan)



i-greatcare@greateasterntakaful.com

FOLLOW US ON:



[Great Eastern Takaful](#)



[greateasterntakaful](#)



www.youtube.com/c/greateasterntakaful



www.greateasterntakaful.com

